

# Jawapan

## Bahasa Melayu

### Bahasa Melayu Kertas 1

**Markah penuh: 130 markah**  
**Kertas Satu - Bahagian A**

#### Tips untuk mendapatkan markah yang baik dalam Bahagian A.

1. Calon perlu menjawab mengikut arahan soalan. Sekiranya arahan memerlukan calon mengemukakan faktor, isi berkenaan faktor perlulah dikemukakan, begitu juga sekiranya kesan, kemukakan pendapat berkenaan kesan sebagai isi.
2. Calon dibenarkan menjawab melebihi 250 patah perkataan, walau bagaimanapun, calon dinasihatkan supaya tidak menjawab sehingga melebihi 300 patah perkataan kerana kemahiran bahasa calon dinilai melalui ketepatan calon membina ayat penanda wacana, dan penggunaan perkataan yang variasi. Calon perlu menepati masa menjawab yang dicadangkan iaitu 45 minit agar boleh menumpukan perhatian kepada Bahagian B nanti.
3. Perlu ada pendahuluan dan kesimpulan tetapi secara ringkas sahaja.
4. Tidak perlu menulis tajuk karangan.
5. Boleh gunakan penanda wacana yang menarik serta ungkapan yang indah, namun bataskan penggunaannya supaya bahasa tidak menjadi terlalu puitis dan meleret-leret.
6. Kemukakan satu atau dua peribahasa yang bersesuaian tetapi jangan terlalu lewah dengan peribahasa sehingga menghilangkan keindahan bahasanya. Sebaik-baiknya peribahasa mengakhiri karangan supaya menjadi penutup yang berkesan terhadap isi karangan.
7. Beri perhatian terhadap arahan soalan kerana dalam arahan tersebut terkandung isi yang sepatutnya calon huraikan.

Terdapat beberapa aspek kelemahan yang perlu calon elakkan semasa menjawab soalan Bahagian A antaranya:

#### Aspek kelemahan calon.

1. Calon menjawab terlalu panjang menyebabkan calon mengambil masa yang lama iaitu melebihi 45 minit seperti yang disarankan. Keadaan ini menyebabkan calon panik apabila kesuntukkan masa untuk menjawab soalan Bahagian B.
2. Calon menjawab soalan semata-mata berpandukan gambar tanpa kembangkan idea menyebabkan isi calon tidak bercambah dan agak dangkal.
3. Isi yang calon kemukakan terpesong daripada soalan, contohnya dalam arahan memerlukan calon menyatakan faedah, tetapi calon mengemukakan langkah.
4. Calon mengemuka semua fakta seperti punca, kesan, dan langkah walhal arahan dalam soalan tersebut ialah contohnya, faedah.

**Contoh Jawapan : Bahagian A**  
[30 markah]

Tanggungjawab terhadap komuniti:

- Masyarakat perlu prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya, hilang keupayaan kerana kemalangan, orang yang ditimpa penyakit, anak yatim piatu atau yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka. Ibu bapa boleh mendidik anak-anak agar simpati terhadap nasib golongan ini, memberi bantuan mengikut kemampuan dan tidak menghindari atau menjelek mereka.
- Masyarakat setempat perlu ambil tahu apa yang berlaku terhadap jiran tetangga mereka terutama apabila jiran ditimpa musibah seperti menghidap penyakit, kecurian, rumah terbakar, atau kemalangan dan banjir. Memberi bantuan berupa barang atau sokongan moral.
- Orang ramai juga boleh bergotong royong meringankan beban jiran yang memerlukan seperti membaiki rumah jiran yang kurang berkemampuan, membersihkan kawasan setempat agar bebas daripada penyakit dan binatang berbahaya dan sama-sama membantu dalam majlis-majlis yang diadakan di kawasan berkenaan agar hubungan antara masyarakat bertambah erat tidak kira apa agama dan bangsa jiran kita.

**Kertas Satu – Bahagian B**

Aspek yang perlu diberi perhatian oleh calon.

1. Ayat yang digunakan perlulah pendek dan jelas untuk mengelakkan berlakunya kesalahan bahasa.
2. Gunakan tanda bacaan yang betul serta penanda wacana yang bersesuaian untuk menunjukkan ada kesinambungan antara isi terdahulu dengan isi seterusnya.
3. Cuba hasilkan karangan yang melebihi 350 patah perkataan tetapi menepati kehendak soalan dan untuk menghasilkan karangan yang lengkap setiap isi memerlukan sekurang-kurangnya dua huraian beserta dua contoh.
4. Sertakan antara dua hingga tiga peribahasa dan lebih ideal sekiranya karangan ditutup dengan peribahasa yang bersesuaian.
5. Corak soalan masa kini lebih menjurus kepada laras soalan. Iaitu soalan berkaitan individu, aspek kekeluargaan, berkenaan kemasyarakatan, peringkat kebangsaan atau antarabangsa, dan soalan kelima, aspek kesusasteraan. Sekiranya calon kurang mahir atau kurang ilmu pengetahuan berkenaan isu semasa peringkat kebangsaan atau antarabangsa elakkan daripada menjawab soalan tersebut kerana untuk menjawab soalan ini calon perlu ada pengetahuan bukan sahaja peringkat dalam negeri malah sehingga ke peringkat global. Oleh itu, pilihlah soalan yang calon paling arif berkenaannya.
6. Soalan no 5 iaitu berkaitan kesusasteraan, hanya calon yang mahir dalam bahasa yang puitis dan mempunyai imaginasi yang tinggi atau mahir mengulas sesuatu isu sahaja digalakkan menjawab soalan ini.
7. Terkini, soalan yang dikemukakan lebih menjuruskan kepada pengetahuan umum yang menyebabkan calon perlu membaca lebih berkenaan isu-isu semasa.

Aspek kelemahan calon.

1. Calon menjawab kurang daripada 350 patah perkataan menyebabkan isi kurang dan huraian tidak lengkap. Kurang daripada 350 patah perkataan juga akan mempengaruhi markah.
2. Calon tidak kembangkan isi dan kemukakan satu contoh dan satu huraian sahaja untuk setiap isi.
3. Calon kemukakan terlalu banyak isi tetapi hanya dihuraikan secara umum tanpa diolah.
4. Calon menjawab soalan yang memerlukan pengetahuan yang luas sedangkan pengetahuan calon agak terhad. Contohnya soalan berkenaan penyakit berbahaya calon cuma tahu berkenaan satu atau dua jenis penyakit sahaja.
5. Calon mengemukakan peribahasa yang salah atau tidak sesuai atau langsung tidak menyatakan peribahasa.
6. Idea calon terpesong daripada kehendak soalan.
7. Calon menggunakan perkataan yang berulang dan tidak variasi. Penanda wacana dan ungkapan juga tidak menarik.

**Contoh Jawapan : Bahagian B**  
**[100 markah]**

1. **Format rencana** – Tajuk dan nama pengarang.

Isi –

- Menggunakan alat komunikasi seperti internet untuk menyebarkan tips-tips yang berguna untuk diamalkan oleh remaja. Contohnya keburukkan mengambil dadah atau minum alkohol, seks bebas dan penyebaran fitnah. Remaja hari ini cenderung berhubung melalui twitter, muka buku (face book), skype, line, wechat, face time, yeepi (laman sosial Islam), linked in, dan sebagainya, oleh itu golongan dewasa boleh mengambil kesempatan dengan menghubungi remaja melalui laman sosial untuk menyalurkan dakwah agama.
- Menguar-uarkan melalui ruangan laman sosial aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang akan diadakan sama ada di peringkat kebangsaan maupun setempat
- Memuat turun ruangan keagamaan atau kemasyarakatan dalam ruangan seperti Youtube, clip video dan sebagainya.
- Mengadakan ruangan untuk pedebatan dan kemusyiklan kerana ada remaja yang malu untuk mengutarakan masalah mereka secara berdepan dengan orang lain.
- Mengajak remaja menjadi ahli pertubuhan sukarela melalui pendaftaran atas talian (online) dengan memberi sijil-sijil keahlian dan penyertaan agar mereka merasakan diri mereka diiktiraf.

2. **Format laporan** –Tajuk laporan, tarikh, masa, tempat, jumlah peserta, guru pengiring, objektif aktiviti, aktiviti yang dilaksanakan, faedah yang diperolehi dan nama setiausaha.

Isi-

- objektif untuk menerapkan sikap kepimpinan, bekerjasama, hubungan yang akrab, nilai berdikari.
- aisbreaking/permainan/ceramah/aktiviti jati diri@berdikari
- faedah - sikap berdikari, bekerjasama, hormat-menghormati, perpaduan, dan kepimpinan
- penutup – harapan pada masa-masa akan datang.

3. **Perbincangan**

Isi –

- pengangkutan awam contohnya bas, kereta api, dan teksi.
- tingkatkan keupayaan dari aspek ketepatan masa, keselesaan tempat duduk, kemudahan membeli tiket, kemudahan untuk golongan OKU, keselesaan sistem pengudaraan, dan jaminan keselamatan.
- tingkatkan kemudahan tempat menunggu awam, tandas dan telefon awam yang bersih dan berfungsi, kekerapan kenderaan awam berhenti, stesen yang mempunyai kemudahan awam dan sistem keselamatan.
- perkhidmatan pemandu yang berdisiplin dan berhemah, khidmat kaunter yang mesra pelanggan, dan jaminan keselamatan kenderaan awam yang disediakan.

4. **Perbincangan dan pendapat**

Isi –

- Kekangan – kawasan yang luas dan kawasan perairan yang tersorok.
- kekurangan kakitangan dalam pasukan keselamatan.
- kurang pemantauan
- penyalahgunaan kuasa dan terdapat dalang dalam sistem keselamatan.
- Langkah mengatasi – kuatkuasa undang-undang dan tiada had kuasa terhadap orang yang terlibat.
- undang-undang yang lebih ketat dan tegas serta hukuman yang lebih berat.
- Tambah bilangan kakitangan

5. **Cerita berdasarkan nilai murni kejujuran** – ada persoalan utama iaitu kejujuran dan persoalan sampingan, watak utama dan watak sampingan, latar dan gaya bahasa yang menarik.

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**

**Bahasa Melayu Kertas 2**
**Soalan 1 – Rumusan.**

Aspek Kelemahan calon.

1. Pendahuluan - calon tidak kemukakan tema mengikut isi, sebaliknya menukar kata kunci isi kepada perkataan sama maksud/sinonim. Calon tidak kemukakan kumpulan masyarakat/ audians atau negeri/negara yang terlibat.
2. Isi tersurat - tidak lengkap kerana calon ambil sebahagian sahaja isi semata-mata untuk mengelakkan berlakunya lebih perkataan, walhal calon sebenarnya meninggalkan isi yang penting menyebabkan markah untuk isi berkenaan berkurangan atau langsung tiada.
3. Calon mengemukakan isi yang tidak berkenaan kerana calon tidak faham arahan atau kehendak soalan.
4. Isi tersirat – calon kemukakan isi secara umum sahaja.
5. Isi yang dikemukakan calon berulang walaupun ayatnya berbeza.
6. Isi terpesong daripada arahan soalan.
7. Isi tersirat diambil daripada petikan
8. Kesimpulan – calon tidak kemukakan cadangan dan harapan sebaliknya mengulas semula tajuk atau isi tersurat. Calon memetik isi daripada petikan.
9. Calon mengemukakan cadangan secara umum tanpa menekankan apa cadangan tersebut. Contoh – *Masyarakat perlu mengatasi masalah ini*. Apa yang berkaitan masalah ini tidak dikemukakan. Sepatutnya calon menulis *Masyarakat perlu mengatasi masalah gejala sosial agar ...*
10. Calon mengemukakan cadangan tanpa harapan. Contohnya; *Masyarakat perlu mengatasi masalah gejala sosial ini*. Sepatutnya *Masyarakat perlu mengatasi masalah gejala sosial ini agar negara bebas daripada ancaman jenayah*.
11. Calon menjawab lebih daripada 120 patah perkataan menyebabkan calon hilang markah kesimpulan.

Aspek yang perlu diberi perhatian oleh calon.

1. Kata kunci bahagian pendahuluan ditukarkan kepada tema atau pokok persoalan. Contoh pendahuluan; Sekiranya isi petikan menyatakan kesan positif - Petikan menyatakan kebaikan/faedah/manfaat/kepentingan...dalam kalangan masyarakat/ orang ramai@di Malaysia/di negara kita/di peringkat global/di peringkat antarabangsa. Sekiranya dalam isi petikan menyatakan kesan negatif – Petikan menyatakan keburukan/impak negatif...dalam kalangan...
2. Arahan untuk isi tersirat tidak perlu dinyatakan dalam pendahuluan.
3. Ayat yang terkandung dalam satu-satu isi perlulah diambil sepenuhnya termasuk contoh untuk mengelakkan daripada tertinggalnya isi penting.
4. Cuba kemukakan enam isi tersurat dan dua isi tersirat kerana isi tersurat yang terkandung dalam petikan lebih tepat manakala isi tersirat daripada idea sendiri adakalanya tidak menepati kehendak soalan atau terpesong atau berulang.
5. Disarankan bahagian kesimpulan gunakan kata kunci Kesimpulan/Oleh itu, ... .. agar/supaya ...
6. Sekiranya perkataan lebih daripada 120 jangan edit daripada isi tersurat. Ini bertujuan mengelakkan daripada meninggalkan isi yang penting dalam isi tersurat sebaliknya calon boleh mengolah semula isi tersirat supaya lebih ringkas tetapi padat untuk menepati 120 patah perkataan.

**CONTOH JAWAPAN**  
**Rumusan (30 Markah)**

Markah penuh 30 iaitu Isi = 20 markah + bahasa = 10 markah  
     Isi – Pendahuluan = 2 markah  
     Tersurat + Tersirat = 16 markah  
     Kesimpulan/penutup = 2 markah

**Pendahuluan**

Petikan membincangkan cara-cara/usaha/ikhtiar untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat/ di Malaysia.

**Isi tersurat**

Cara-caranya ialah

- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mempunyai kematangan, sumber, kepakaran, dan kemampuan perlu melaksanakan hasrat memartabatkan bahasa Melayu tanpa membataskan sasaran terhadap kepada sekolah kerajaan semata-mata.
- Sekolah-sekolah persendirian, sekolah Cina, dan sekolah Tamil yang mempunyai silibus bahasa kebangsaan yang berbeza dengan sekolah kerajaan sepatutnya diberi perhatian yang lebih dalam memantapkan penggunaan bahasa Melayu.
- adunan bahasa Kebangsaan dan jati diri bangsa perlu diacu serentak memandangkan usaha memartabatkan bahasa Melayu harus melalui satu anjakan paradigma.
- DBP sebagai badan induk yang bertanggungjawab perlu melipatgandakan promosi di segenap lapisan masyarakat.
- penglibatan semua kaum dalam usaha membudayakan bahasa Melayu perlu giat dijalankan bagi menyemai semangat dan rasa cinta terhadap bahasa Melayu kepada semua kaum.
- usaha mengembangkan bahasa Melayu, khususnya kepada masyarakat bukan Melayu perlu diperhebatkan.
- menangani 20% daripada kanak-kanak yang ketinggalan dari segi literasi.
- “Satu Bahasa, Satu Malaysia” yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dilihat sebagai satu langkah yang meyakinkan untuk mengembalikan peranan Asia sebagai generasi dunia.

**Isi tersirat**

Kekangannya ialah

- masyarakat memandang rendah terhadap mutu bahasa Melayu/lebih memandang tinggi kepada orang yang tahu berbahasa Inggeris.
- banyak agensi swasta lebih mengutamakan pekerja yang mahir dalam bahasa Inggeris.
- kedudukan bahasa Melayu itu sendiri yang kurang mantap.
- kurang pakar/tenaga/kurang usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu.

**Kesimpulan**, masyarakat/orang ramai perlulah menyokong usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu **agar** bahasa ibunda itu tidak hilang/pupus begitu sahaja.

Bahagian ini mengandungi , Soalan 2 iaitu; Petikan Umum, Prosa Moden, Prosa Tradisional, dan Puisi.

**Soalan 2 – Pemahaman**

Aspek kelemahan calon.

1. Calon tidak membaca arahan soalan dan tidak meneliti kehendak soalan.
2. Calon hanya mengemukakan satu isi sahaja sedangkan markah yang diperuntukkan ialah tiga.
3. Bahagian soalan laras pemahaman, calon kemukakan idea sendiri sedangkan jawapan terdapat dalam petikan.
4. Calon hanya kemukakan isi sahaja tanpa huraian dan contoh.
5. Ayat calon tidak gramatis menyebabkan calon kehilangan markah bahasa.

Aspek yang perlu diberi perhatian oleh calon.

1. Baca soalan sekurang-kurangnya dua kali untuk mengesahkan kehendak soalan.
  2. Setiap kali selesai menulis jawapan, perlu membandingkan dengan soalan, adakah jawapan tersebut tepat atau terpesong.
  3. Teliti jumlah markah yang dicatatkan untuk setiap soalan kerana jumlah isi biasanya bergantung kepada jumlah markah. Sekiranya markah tiga, isi yang dikemukakan dua atau tiga.
  4. Setiap jawapan perlu pengukuhan huraian dan contoh. Dalam soalan komsas, calon perlu kemukakan contoh daripada peristiwa yang berlaku yang terdapat dalam cerita.
  5. Soalan berkaitan komsas seperti nilai-nilai murni, pengajaran dan watak, berbeza penggunaan bahasanya. Contoh daripada kata kunci gigih; untuk menjawab soalan watak – seorang yang *gigih*, soalan nilai – kegigihan, soalan pengajaran – kita mestilah gigih berusaha.
  6. Terdapat tiga laras soalan dalam setiap petikan:
    - i. Laras pemahaman – tahap ini menguji pemahaman calon terhadap petikan. Jawapannya juga boleh diperoleh daripada petikan.
    - ii. Laras analisis – bahagian ini menguji maksud perkataan/rangkaian kata/ maksud ayat atau soalan-soalan komsas iaitu tema, persoalan, watak, nilai-nilai murni, pengajaran, latar, gaya bahasa, plot, dan teknik plot. Jawapannya boleh diperoleh sama ada dalam petikan atau daripada keseluruhan cerita. Jawapan untuk maksud rangkaian kata mestilah berdasarkan petikan bukan mengikut maksud yang terdapat dalam kamus.
- Laras kemahiran berfikir/pendapat – soalan ini menguji pendapat daripada calon. Calon perlu mengemukakan idea sendiri dan tidak boleh menceduk idea daripada petikan. Apabila mengemukakan idea, elakkan daripada mengulang isi dan kemukakan tiga idea berbeza.

**Jawapan : Pemahaman (35 markah)**

- Soalan 2(a) : 9 markah  
 Soalan 2(b) : 9 markah  
 Soalan 2(c) : 8 markah  
 Soalan 2(d) : 9 markah

**Jawapan 2 (a) - Petikan Umum**

- i. Maksud *mengembalikan peranan Asia* ialah hidupkan semula maruah/jati diri/kepentingan masyarakat di benua Asia. **(2 m)**
- ii. Faktor-faktor bahasa Melayu dipinggirkan ialah tuntutan ekonomi kapitalisme yang menghanyutkan perjuangan nasionalisme, bahasa Melayu terpaksa bersaing hebat dengan bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris, serta aplikasi dan dasar liberalisasi sejak 1980-an telah menjadikan penggunaan bahasa Inggeris semakin meluas manakala bahasa Melayu seolah-olah telah terkubur. **(3 m)**
- iii. Dua langkah untuk mermartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah ialah menempatkan guru pakar bahasa Melayu untuk setiap sekolah agar dapat memberi pendedahan yang betul kepada murid dan guru baru serta mengadakan aktiviti terancang yang menarik serta melibatkan penggunaan bahasa Melayu seratus peratus agar murid dapat belajar sambil menghayati bahasa tersebut dalam suasana yang gembira. **(4 m)**

**Jawapan 2 (b) Petikan Drama**

- i. Reaksi Israk apabila Mikraj mengajaknya ke kebun ialah menjawab secara sambil lewa, iaitu tidak perlu malah memarahi Mikraj yang dianggap terlalu menjaga tepi kain orang. Israk juga menyindir Mikraj dengan pertanyaan Mikraj sudah selesai berhujah dan bersahaja mencapai gitarnya lalu lagu sumbang itu kembali beralun. **(2 m)**
- ii. Beberapa cadangan untuk mendekati golongan muda agar berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kegiatan kekeluargaan ialah menyerahkan tanggungjawab mengelolakan sebarang aktiviti kepada kumpulan ini agar mereka merasakan tenaga mereka dihargai. Selain itu, aktiviti tersebut secara keseluruhannya memerlukan penglibatan semua pihak agar hubungan lebih akrab dan sesetengah aktiviti boleh menggunakan komputer, telefon bimbit, dan pelbagai gajet kerana remaja kini lebih berminat pada aktiviti yang menggunakan perisian malah mereka boleh menggunakan kepakaran masing-masing untuk mengajar keluarga yang telah berumur atau tidak mahir dalam ilmu komputer. **(3 m)**

- iii. Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah kita janganlah biadap terhadap orang tua contohnya Israk yang kerap melukakan hati neneknya, Wah./Kita jangan lupa diri/asal usul, contohnya Israk yang enggan ke kebun apabila diajak oleh Mikraj kerana menganggap dirinya berketurunan Inggeris. Pengajaran lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen ialah kita. **(4 m)**

**Jawapan 2 (c) Petikan Prosa Tradisional**

- (i) Muka bidadari pucat kerana bidadari melihat naga yang melancar/meluncur di atas kemuncak mahligai telah menelan gemala yang terdapat di atas kemuncak mahligai itu. **(2 m)**
- (ii) Gambaran naga yang terdapat dalam mimpi bidadari ialah rupa naga itu terlalu indah/cantik sekali dan apabila bidadari berselimut dia terbau bunga malah bau bunga itu seolah-olah melekat pada hidungnya/masih terbau-bau. **(3 m)**
- (iii) Bekalan yang perlu ada dalam diri seseorang remaja untuk mengelakkan diri daripada diperdaya oleh orang yang tidak bertanggungjawab ialah seseorang remaja itu perlu penuhi ilmu dunia dan akhirat dalam dirinya agar dia dapat menapis perkara yang mendatangkan kebaikan atau keburukan. Selain itu, remaja juga perlu berkawan dengan orang yang baik tingkah lakunya atau dengan para ilmuwan kerana sahabat yang baik akan membawa kita ke jalan yang benar/baik, malah seseorang remaja itu perlu pandai membawa diri agar tidak timbul perasaan marah atau dendam atau iri hati kerana kita mudah dieksploitasi sekiranya kita leka dengan kelebihan yang kita ada. **(3 m)**

**Jawapan 2 (d) Puisi Tradisional**

- i. Maksud cahari olehmu akan sahabat, yang boleh dijadikan ubat ialah saranan supaya memilih sahabat yang akan bersama-sama kita sama ada dalam keadaan senang atau susah **(3 m)**
- ii. Ciri-ciri seorang sahabat yang setia ialah yang tidak akan menceritakan aib kita kepada orang lain. Mereka juga akan bersama-sama kita di kala kita susah maupun senang malah mereka jujur dan berterus terang sekiranya kita tersalah haluan serta memaklumkan perkara negatif yang kita lakukan kepada keluarga agar dapat dibetulkan sebelum jauh terpesong. **(3 m)**
- iii. Dua nilai yang terdapat dalam gurindam di atas ialah kebijaksanaan iaitu bijak dalam memilih sahabat sejati. Ketaatan iaitu isteri yang taat kepada suaminya dan keiklasan iaitu seorang sahabat yang baik sentiasa ikhlas dengan rakannya. **(3 m)**

**Soalan 3 – Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Aspek kelemahan calon

- 3a. Bina ayat: calon melakukan kesalahan ejaan/istilah/tanda bacaan.
- calon menjadikan perkataan yang diuji sebagai kata nama khas atau peribahasa/ calon menambah atau mengubah imbuhan walaupun arahan tidak boleh menambah atau menukar imbuhan. Namun, arahan terkini membenarkan calon menambah imbuhan. Oleh itu calon perlu membaca arahan soalan dengan teliti.
  - menggunakan dua perkataan yang diuji dalam satu ayat.
  - membina ayat yang tidak menunjukkan maksud yang sebenar atau tanpa makna atau maksud salah.
- 3b. Soalan pelbagai: soalan menyambung ayat, calon menggunakan kata hubung atau penanda wacana yang salah atau tidak sesuai atau ayat disambung di bahagian yang salah.
- soalan menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif. Calon menggunakan di....oleh untuk kata ganti nama diri pertama dan kedua. Hukunya salah. (sila rujuk buku tatabahasa DBP untuk maklumat lanjut)
  - soalan menukarkan cakap ajuk kepada cakap pindah. Calon masih menggunakan ayat cakap ajuk tanpa menukarkan kepada bahasa formal atau calon masih menggunakan perkataan ringkas seperti 'tak'/'nak'.
- 3c. Kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan: calon menukar ejaan atau imbuhan yang sememangnya betul. Calon juga mengubah struktur ayat. Arahan terkini membenarkan calon mengemukakan jawapan sahaja tanpa menyalin ayat.
- 3d. Kesalahan penggunaan kata atau istilah: calon membetulkan penggunaan kata atau istilah yang sememangnya betul. Calon membetulkan ejaan walhal, kesalahan yang diuji ialah istilah dan penggunaan kata. Calon juga mengubah struktur ayat. Arahan terkini membenarkan calon mengemukakan jawapan sahaja tanpa menyalin ayat.



3e. Calon mengemukakan maksud peribahasa yang salah atau meletakkan kedudukan peribahasa dalam kedudukan yang salah. Calon tidak kemukakan peribahasa yang diuji dalam ayat yang dibina. Calon juga menambah atau meninggalkan imbuhan yang terdapat pada peribahasa.

Aspek yang perlu diberi perhatian oleh calon.

1. Elakkan daripada melakukan kesalahan ejaan atau tatabahasa.
2. Sentiasa mengulang soalan atau merujuk soalan untuk pastikan setiap jawapan menepati kehendak soalan.
3. Walaupun arahnya sama saban tahun, calon perlu membaca arahan untuk setiap soalan.

#### Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

- Soalan 3(a) : 6 markah  
 Soalan 3(b) : 6 markah  
 Soalan 3(c) : 6 markah  
 Soalan 3(d) : 6 markah  
 Soalan 3(e) : 6 markah

Contoh ayat:

- |   |       |
|---|-------|
| (i) Drama percintaan itu saya <b>tonton</b> sehingga tamat.   | (1 m) |
| (ii) Pengasuh itu diminta <b>menengok</b> kanak-kanak itu sementara ibunya memilih sayur-sayuran.                     | (1 m) |
| (iii) Peristiwa berkenaan kemalangan tersebut telah <b>keluar</b> dalam berita pada jam 12.00 malam.                  | (1 m) |
| (iv) Matahari biasanya akan <b>terbit</b> seawal jam lapan pagi.  | (1 m) |
| (v) Anyaman tikar itu sangat <b>halus</b> dan kemas.  | (1 m) |
| (vi) Kita perlu melakukan sesuatu kerja dengan <b>teliti</b> agar segala tugas yang diberikan berjalan dengan lancar. | (1 m) |

#### Jawapan (b)

- |  |       |
|--|-------|
| (i) Melukis (S) telah menjadi kegemarannya sejak kecil lagi (P).                 | (2 m) |
| (ii) Warna oren (S) merupakan warna pilihan Hani untuk majlis perkahwinannya (P) | (2 m) |
| (iii) Ibu pejabat syarikat tersebut (P) terletak di Labuan, Sabah (P)            | (2 m) |

#### Jawapan (c)

- (i) Kebanyakkan (**Kebanyakan**) pengguna memilih untuk berbelanja di pusat membeli belah (**membeli-belah**) berbanding di kedai runcit.
- (ii) Irfan sambut (**menyambut**) hari jadinya yang ke 17 (**ke-17**) secara sederhana sahaja pada tahun ini.
- (iii) (“)Di mana harus saya mengantungkan (**gantungkan**) gambar pemandangan ini(, ?) Aqil bertanya kepada Irfan.

#### Jawapan (d)

- (i) Bendera-bendera (**bendera**) yang berwarna-warni itu bertebaran (**berkibaran**) di sepanjang jalan.
- (ii) Masalah yang institusi pengajian tinggi hadapi adalah (**ialah**) kekurangan pendapat yang cerdas. (**bernas**)
- (iii) Beliau sering diajak (**dijemput**) untuk membentangkan kertas kerja di dalam (**dalam**) beberapa seminar.

#### Jawapan (e) maksud peribahasa di bawah ini.

- |  |       |
|--|-------|
| (i) Di mana ada kemahuan di situ ada jalan – sekiranya kita berusaha kita akan menemui kejayaan dan jalan penyelesaian | (2 m) |
| (ii) Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas – Adat yang tidak berubah dan telah utuh.                               | (2 m) |
| (iii) Bermandi peluh - Bekerja dengan sepenuh tenaga.  | (2 m) |



**Soalan 4 – Novel**

Aspek kelemahan calon.

1. Calon tidak mengemukakan contoh dan huraian atau calon memberi contoh yang umum atau salah.
2. Calon tidak menguasai cerita menyebabkan isi yang dijawab setakat ala kadar.
3. Teknik menjawab salah. Contoh, soalan mengkehendaki calon mengemukakan watak, tetapi calon menjawab dalam bentuk nilai murni iaitu sepatutnya 'wataknya seorang yang penyayang' tetapi calon menjawab 'watak sayang-menyayangi'.
4. Soalan perbandingan, calon tidak bandingkan antara kedua-dua novel.

Aspek yang perlu diberi perhatian oleh calon.

1. Calon perlu menguasai kedua-dua novel yang dipelajari semasa di tingkatan empat dan tingkatan lima agar boleh memilih novel yang lebih dikuasai.
2. Calon perlu tahu jalan cerita dan mengenali watak terutama watak penting secara terperinci untuk memudahkan calon mengemukakan contoh sebagai bukti.
3. Calon perlu mengemukakan contoh beserta huraian kerana tanpa contoh, calon tidak akan memperoleh markah.
4. Menggelakkan daripada melakukan kesalahan bahasa supaya markah bahasa tidak ditolak.

**Jawapan 4: Novel**

(a) Berdasarkan novel yang telah dikaji, dua nilai murni yang terdapat pada Watak utama ialah:

- Novel Papa.. Penyayang – menyayangi mama dan Julia ....
  - Taat kepada perintah Allah – sentiasa berdoa mama cepat sembuh ....
  - Prihatin – prihatin dengan masalah kesihatan mama
  
  - Novel K. Terakhir .. Gigih – berusaha gigih memmpelajari musik ...
  - Menghormati orang tua – bersalaman dan mencium tangan Datuk Johari ....
  - Pemaaf – memaafkan Datin Salmah walaupun dilayan dengan buruk ....
- Isi 4 m + bahasa 3 m = 7 m

(b) Dua persoalan yang dikemukakan oleh pengarang dalam novel:

- Novel Papa.. ketabahan dalam mengharungi cabaran dan dugaan hidup, contoh...
- Kegigihan dalam menimba ilmu pengetahuan, contoh...
- Poligami dalam sesebuah keluarga, contoh...
- Cinta dalam usia remaja, contoh...
- Gejala sosial dalam masyarakat, contoh..
  
- Konserto terakhir... Kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan
- Sikap sesetengah masyarakat yang mementingkan kekayaan dan pangkat, contoh..
- Keikhlasan dalam memberikan pertolongan, contoh..
- Berkorban demi kebahagiaan orang lain, contoh..
- Masyarakat moden yang masih percayakan amalan tahtyul, contoh..

(1 isi 3 m x 2 isi) 6 m isi + 2 m bahasa = 8 m

**SKEMA JAWAPAN TAMAT**